

Medan tunjuk bakat

Pelajar Bacelor Pendidikan Pengajaran Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Pertama, UPM sertai majlis puisi

Warna Kehidupan

Oleh Tuan Nur Suhaila
Raja Muhammad

bhsastera@nstp.com.my

BACA Puisi Pena kali ini menjadi medan pelajar Bacelor Pendidikan Pengajaran Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Pertama (PBMP), Universiti Putra Malaysia (UPM), menguji bakat apalagi ia dibumbui dengan persembahan Malam Kenduri Puisi bertema Puisi, Alam dan Kemanusiaan.

Sebahagian besar daripada 'penyair' PBMP tampil di pentas dengan puisi sarat isu warna tempatan dan pergolakan di Gaza yang tidak mungkin dilupakan rakyat Malaysia apalagi kelompok yang prihatin dengan nasib umat Islam di rantau Asia Barat.

Mas Adeki atau Mohd Sidek Mohd Dollah tampil dengan *Gurindam Gaza* yang dipetik daripada antologi gurindam beliau, *Seuntai Kasih Secebis Harapan*, membawa khalayak menilai tindak-tanduk Israel dengan dokongan Amerika Syarikat.

*Pemuda pemudi, kanak-kanak dan wanita
Warisan Hamas biar
lenyap di mata
Mendabik dada*

*gagah perkasa
Yang lemah pasti men-
jadi mangsa
Israel berani kerana
sekutunya Amerika
Siap siaga melindungi
pengganas puaka....*

Pemenang Hadiah Cerpen Esso-Gapena V dab VII dan Hadiah Formula Malaysia, Aminhad, membuktikan ketajaman pilihan frasa ketika beraksi dengan *Dunia Ini Juadah Kelicikan Sekian Kepalsuan*, sehingga terasa menikam kalbu.

*Demikian kemanusiaan
yang dimainkan
oleh angin nafsu
setelah berpindah dari
rahim ibu ke rahim
alam.*

*Setelah berpindah ke
rahim alam, dari rahim
ibu.*

*Memang cinta dunia
seselera nikmat semen-
tara
terlupa dan alpa erti
kedalaman
70 tahun dasar api
neraka....*

Ternyata bakat anak muda Semester 2 PBMP UPM, Mohd Fauzi A Rahman, ketika tampil melagukan syairnya, *Sumpah Alam* tidak boleh dipandang remeh dan pasti dicemburui kalangan veter-an kerana dalam halus pedas menyindir.

*Rumah usang kampung
bertuah*

*padi menguning
di tengah sawah
dalam air terbayang
wajah
jasad terbujur sayapnya
patah.
Bukit ditarah hutan
ditumbang
bumi kini berasa
bahang
pelbagai bencana bakal
mendatang
itulah sumpah sengaja
diundang....*

Khalayak sekali lagi tersentuh dengan persembahan Pelajar Semester 6 PBMP, Zulfazlan Jumrah, apabila beliau tampil mendeklamasikan puisi Ayah nukilan Nassury Ibrahim yang membawa hadirin mengimbu kenangan bersama bapa serta menghargai jerih payahnya sebagai pemimpin keluarga.


*Ayahku petani tabah
mengajar kami
semangat diri
dan bagaimana menjadi
lelaki
yang tahu hak dan
kewajaran
memberi dengan ikhlas
meminta dengan hormat
kira salah berkirin
tegur
kira benar berucap
syukur
dan setiap retak
bukan untuk dihancur.
Ayahku petani desa
tidak pernah bersekolah
akan setiap amanah*



Mas adeki



Aminhad



Khalid Salleh

*dijaga dan dijaga
kepada kami dia selalu
berkata,
"jujurlah kepada
diri sendiri
jangan generasimu
menyumpah
di sini kita hanya
sementara."*

Majlis turut disentak dengan seloka bernada sinis, *Anak Derhaka*, persembahan Pegawai Perancang Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Jusoh Majid, yang direka secara spontan sebelum Baca Puisi Pena bermula, tetapi tetap menikam kalbu.

*Kisah anak yang
muda-mudi
llmu banyak penuh di
dada
rasa hebat, megah dan
bangga
badan kecil besar
kepala.
Setelah masuk universiti
dapat kerja gajinya
tinggi
kereta mewah
cantik isteri
ibu dan bapa*

tidak peduli....

Pensyarah Fakulti Bahasa Moden Komunikasi (FBMK) UPM, Dr Arbak Othman, membakar semangat khalayak dalam perjuangan menegakkan bahasa yang menjadi jiwa bangsa melalui puisinya, *Musim Berlalu*.

*Sejak hasrat lidah dan
bibir menggembirakan
petualang
bahasaku menjadi
bimbang
kota fikir bangsaku
semakin tempang
angin yang datang
untuk menebus cahaya
yang hilang
memalingkan muka ke
tabir senja
hingga punggung
hairan mengapa bulan
disingkirkan.*

*Musim pun percaya
pada mimpi langit
yang menjanjikan kota
yang menjanjikan
yang akhirnya usang
dirosakkan beruang....*

Penggiat teater, Khalid Salleh, memecahkan kehe-

ningan malam dengan mendedahkan kekejaman Israel atas tindakannya menyerang bumi Palestin sehingga menyebabkan ribuan rakyat yang tidak berdosa melalui puisinya, *Mengapa Palestin*.

*Palestin, darah
merahmu mengalir
bagai peraduan
merentangkan usia
kematian
mimpi perangmu telah
menjelaskan
erti hidup dan mati.
Benar, perang di bumi
Palestin
adalah keporak-
perandaan yang pernah
dibayar
bangsa Arab Palestin
terhadap kekejaman
Israel.*

Malam itu turut dime-riahkan dengan baca puisi oleh Dr Ahmad Razali Yusof, Datuk Dr Kemala, Abdul Ghafar Ibrahim (Agi), Naffi Mat, Dr Ibrahim Ghaffar, Rahimidin Zahari dan persembahan joget serta koir.